

PERATURAN SUKAN PING PONG

JABATAN LAUT MALAYSIA KALI KE-11 2026

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

- 1.1.1 Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang ITTF yang berkuatkuasa serta diterima pakai oleh Persatuan Ping Pong Malaysia dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur .
- 1.1.2 Selain dari peraturan di atas, Jawatankuasa Teknikal, Pertandingan adalah berhak meminda atau mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 1.1.3 Hanya getah yang disenaraikan dalam List Authorised Racket Covering berkuatkuasa 1 Oktober – 31 Disember 2024 sahaja yang dibenarkan.
- 1.1.4 Getah PIMPLES yang telah diubahsuai DILARANG SAMA SEKALI PENGGUNAAN, jika didapati melanggar peraturan penganjur tidak teragak-agak membatalkan terus pemain tersebut.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Kategori Pertandingan adalah Individu dan Beregu :

- ☐ Perseorangan Lelaki
- ☐ Beregu Lelaki

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Hanya dibenarkan mendaftar **satu (1)** penyertaan bagi setiap kategori.

2.2.2 Hanya dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan sahaja akan layak ke pusingan seterusnya (Separuh Akhir).

2.2.3 Perlawanan akan dijalankan secara Best of Three

(3) set' dengan kiraan 11 mata bagi setiap set'. Sekiranya pasukan yang mendahului kemenangan dua (2) set terlebih dahulu, maka perlawanan set ke tiga (3) masih perlu dijalankan bagi mengumpul mata pasukan dalam liga kumpulan.

2.2.4 Set kemenangan akan dikira seperti berikut :

- ☐ Keputusan kemenangan set' 2-1
- ☐ Keputusan kemenangan set' 3-0

2.2.5 Cara memutuskan keputusan mata dalam liga :

2.2.5.1 Cara memutuskan :

- ☐ Menang - 3 mata
- ☐ Kalah - 0 mata

2.2.5.2 Jika terdapat 2 pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang mengalahkan lawannya dikira menang.

2.2.5.3 Jika terdapat 3 atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

2.2.5.3.1 Pasukan yang memenangi perlawanan terbanyak dikira menang.

2.2.5.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memenangi bilangan permainan (set) terbanyak dikira menang.

2.2.5.3.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat perbezaan permainan dikira menang.

2.2.5.3.4 Jika masih seri juga, pasukan yang telah mengalahkan lawannya dikira menang.

2.3 Kelewatan dan Ketidakhadiran

2.3.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri di meja panggilan 5 minit sebelum perlawanan bermula.

2.3.2 Hanya 5 minit sahaja akan diberi kepada setiap pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 11 – 0, 11– 0, 11 – 0. (3-0)

2.3.3 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya akan diberi masa rehat selama 10 minit.

2.4 Menarik Diri dan Menyerah Kalah

- 2.4.1 Setiap pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur. Jika tidak, pemain tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Peraturan Am.

3.2 Pakaian / Peralatan Pertandingan

- 3.2.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian sukan dan berkastut. Baju kemeja, seluar slack dan kasut kerja tidak dibenarkan.
- 3.2.2 Pakaian berwarna / bertemakan putih tidak dibenarkan
- 3.2.3 Bagi acara beregu, pemakaian baju pemain hendaklah sama dari segi warna dan corak.
- 3.2.4 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan semasa Majlis Penyampaian Hadiah.
- 3.2.5 Para peserta hanya perlu membawa bat ping pong sendiri semasa kejohanan dan diiktiraf didalam peraturan Teknikal.
- 3.2.6 Tidak dibenarkan menggunakan getah yang diubahsuai dan sekiranya terdapat aduan pemain tersebut boleh disingkirkan daripada kejohanan.
- 3.2.7 Bola berwarna putih 3 STAR 40+ sahaja digunakan pada kejohanan ini.

4. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 4.1 Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan ini, Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.